



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 28 OGOS 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KAJIAN MENYELURUH TANGANI GEJALA BULI – NANCY	
	https://tvstv.my/2023/08/27/kajian-menyeluruh-tangani-gejala-buli-nancy/	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	AADK PERLIS ANJUR PROGRAM SEMARAK MERDEKA	
	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/70020-aadk-perlis-anjur-program-semarak-merdeka	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	RM4.2 JUTA UNTUK PROJEK DAN PROGRAM PEMBANGUNAN WANITA	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/27/rm42-juta-untuk-projek-dan-program-pembangunan-wanita	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.sabahgazette.com/rm4-2-juta-untuk-projek-program-pembangunan-wanita-km/	SABAHGAZETTE.COM
	https://sabahnews.com.my/rm4-2-juta-untuk-projek-dan-program-pembangunan-wanita-km-hajiji/	SABAHNEWS.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	'JIKA LAMBAT DIRAWAT PELUANG UNTUK HIDUP 50-50'	
	https://www.sinarharian.com.my/article/275853/edisi/melaka-ns/jika-lambat-dirawat-peluang-untuk-hidup-50-50	SINARHARIAN.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	KPT, UMS CARI KAEDAH TERBAIK BANTU MAHASISWI ALAMI KOMPLIKASI APENDIKS	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2220157	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	PERAK TO PROVIDE MORE BREASTFEEDING FACILITIES	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/08/27/perak-to-provide-more-breastfeeding-facilities	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	MUM AND BEAU NABBED AFTER BOY WITH 'EXTENSIVE TISSUE INJURY' DIES	
	https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2023/08/27/to-stop-period-shame-include-boys-in-the-conversation-too	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	TO STOP PERIOD SHAME, INCLUDE BOYS IN THE CONVERSATION TOO	
	https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2023/08/27/to-stop-period-shame-include-boys-in-the-conversation-too	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	WANITA DIPUJUK KAHWIN LAIN KETIKA SUAMI SEDANG SAKIT	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/27/wanita-dipujuk-kahwin-lain-ketika-suami-sedang-sakit/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	WANITA ADA HAK MEMILIH, PERLU DIBERI KEBEBASAN SEPERTI SUAMI – ELIS CAPRICE	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/27/wanita-ada-hak-memilih-perlu-diberi-kebebasan-seperti-suami-elis-caprice/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	10 TAHUN HIDUP DALAM PENYESALAN BUNUH KANAK-KANAK TANPA NIAT	
	https://www.sinarharian.com.my/article/275863/berita/nasional/10-tahun-hidup-dalam-penyesalan-bunuh-kanak-kanak-tanpa-niat	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	LEBIH 500 PENDUDUK PUPUK PERPADUAN SEMARAK HARI KEBANGSAAN	
	https://malysiagazette.com/2023/08/27/lebih-500-penduduk-pupuk-perpaduan-semarak-hari-kebangsaan/	MALYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
13	PELAJAR DIPLOMA BERGRADUASI BERSAMA BAYI DALAM KANDUNGAN	
	https://www.buletintv3.my/nasional/pelajar-diploma-bergraduasi-bersama-bayi-dalam-kandungan/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	ABANG OKU, KEMISKINAN DORONG DR MAZRI CEBURI PERUBATAN	
	https://harakahdaily.net/index.php/2023/08/27/abang-oku-kemiskinan-dorong-dr-mazri-ceburi-perubatan/	HARAKAHDAILY.NET



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
15	WARGA EMAS RENTUNG DALAM KEBAKARAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/275872/berita/semasa/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/08/27/lelaki-warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-rumah-di-tangkak/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/warga-emas-81-tahun-rentung-di-dapur/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-434703	ASTROAWANI.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1145427/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-rumah	BHARIAN.COM.MY
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/08/27/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-di-tangkak/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/27/warga-emas-rentung-rumah-terbakar/	KOSMO.COM.MY
	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/69996-warga-emas-maut-dalam-kebakaran-2	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://malaysiaipost.com.my/2023/08/27/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran/	MALAYSIAPOST.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-rentung-rumah-musnah-80-dijilat-api/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	BOMBA SELAMAT WARGA EMAS TIDAK SEDAR DALAM KERETA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1003908/bomba-selamat-warga-emas-tidak-sedar-dalam-kereta	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/lelaki-warga-emas-tidak-sedarkan-diri/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

28/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
17	WARGA EMAS TOLAK BANTUAN KEWANGAN TUNAI HAJI, BERI KEPADA JEMAAH YANG LEBIH MEMERLUKAN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-tolak-bantuan-kewangan-tunai-haji-beri-kepada-jemaah-yang-lebih-memerlukan-434680	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
18	WANITA CEDERA KERETA TERBABAS MASUK LONGKANG	
	https://www.sinarharian.com.my/article/275930/berita/semasa/wanita-cedera-kereta-terbabas-masuk-longkang	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-cedera-kereta-terbabas-masuk-longkang-434748	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
19	LAPOR ANAK DILANGGAR LORI, NAMUN TERBONGKAR DIDERA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/lapor-anak-dilanggar-lori-namun-terbongkar-didera/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	IBU TERKILAN ANAK DIMARAHI GURU, BERSOLEK SAMBUT KEMERDEKAAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/275945/berita/semasa/ibu-terkilan-anak-dimarahi-guru-bersolek-sambut-kemerdekaan	SINARHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	JUALAN GUDANG KARANGKRAF KEMBALI SEMPENA CUTI SEKOLAH	
	https://www.sinarharian.com.my/article/275929/berita/nasional/jualan-gudang-karangkraf-kembali-sempena-cuti-sekolah	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	KHALEEF 'AJAR' SAYA ERTI BERSYUKUR - IBU	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/08/1003898/khaleef-ajar-saya-erti-bersyukur-ibu	HMETRO.COM.MY



TAJUK : LELAKI DITAHAN TEMBAK PACUAN ENPAT RODA ANGKARA CINTA DITOLAK

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki ditahan tembak pacuan empat roda angkara cinta ditolak

Julau: Seorang pemuda ditahan selepas menembak sebuah kenderaan pacuan empat roda menggunakan senjata api buatan sendiri akibat dendam cintanya ditolak ahli keluarga mangsa.

Ketua Polis Daerah Julau, Deputy Superintendan Andam Sulim, berkata pihaknya menerima laporan kejadian itu daripada seorang lelaki jam 10.45 malam pada 23 Ogos lalu bahawa kereta Toyota Hilux milik anaknya, ditembak di sebelah pemandu ketika dalam balik ke rumah di Sungai Pinang, Jalan Wak Buku Pakan, dekat sini.

Beliau berkata, bertindak atas maklumat, sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah (D9) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak bersama-sama pa-

sukan dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Julau menahan suspek berusia lingkungan 20 tahun, pada jam 5.30 petang, keesokannya.

“Motif suspek adalah kerana perasaan dendam selepas cintanya ditolak seorang ahli keluarga mangsa,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Susulan tangkapan itu, Andam berkata, polis merampas dua laras senapang patah Bekakok buatan sendiri, dua laras senapang angin buatan sendiri, sebutir peluru jenama Clever 12 Mirage dan satu kelongsong peluru jenama 12 Mirage daripada suspek.

“Rampasan dibuat dengan dipandu arah oleh suspek yang kemudian dibawa ke IPD Julau untuk siasatan lanjut,” katanya.



Senapang patah Bekakok dan dua senapang angin buatan sendiri yang dirampas daripada suspek.
(Foto Melvin Joni/BH)



TAJUK : SEMANGAT MASLINA TAK PERNAH LUNTUR

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Semangat Maslina tak pernah luntur

Kuantan: “Kelemahan fizikal selepas disahkan menghidap penyakit radang saraf sejak enam tahun lalu tidak sedikitpun menjejaskan semangat mendidik, walaupun terpaksa menggunakan kerusi roda,” kata guru Pendidikan Khas Masalah Pendengaran, Maslina Ahmad, 39.

Maslina yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Alor Akar, di sini, berkata, sejak disahkan menghidap penyakit radang saraf kronik, pergerakannya mula terbatas terutama selepas kaki kanan lemah dan tidak mampu berjalan, manakala kaki kirinya tidak kuat.

Ibu tiga cahaya mata perempuan itu berkata, sejak dua tahun lalu penyakitnya bertambah serius sehingga terpaksa menggunakan kerusi roda untuk bergerak bagi mengelak terjatuh dan kecederaan serius.

Katanya, bagi mengurangkan kesakitan dan mencegah radang saraf tidak menyerang anggota lain, beliau perlu makan ubat yang dibekalkan Hos-

pital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), di sini, setiap hari sepanjang hayat.

“Walaupun terpaksa menggunakan kerusi roda, semangat untuk mencurahkan ilmu kepada pelajar pendidikan khas masalah pendengaran tidak pernah luntur.

“Kini, terdapat 20 pelajar yang memerlukan tunjuk ajar daripada saya setiap hari.

“Selama 15 tahun dalam bidang pendidikan, saya

masih tidak puas mengajar menggunakan bahasa isyarat sambil dikelilingi pelajar,” katanya ketika ditemui selepas menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuantan, di sini, kelmarin.

Majlis dirasmikan Ketua UMNO Bahagian Kuantan, Datuk Seri Abdul Hamid Nazahar yang mewakili Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.



Maslina menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PPD Kuantan, kelmarin. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)



TAJUK : WARGA EMAS RENTUNG RUMAH TERBAKAR AWAL PAGI

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Kebakaran di Kampung Sungai Bilah, Bukit Gambir semalam korbannya seorang lelaki warga emas.
(Foto Ahmad Ismail/BH)

Warga emas rentung rumah terbakar awal pagi

Mayat mangsa ditemui di ruang dapur

Oleh Ahmad Ismail
bhnew@bh.com.my

Tangkak: Seorang lelaki warga emas rentung dalam kebakaran di sebuah rumah di Kampung

Sungai Bilah, Bukit Gambir, di sini awal pagi semalam.

Ketua Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tangkak, Penolong Penguasa Bomba Rafiah Aziz, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 6.16 pagi dan dua jentera dengan 11 anggota dihantar segera ke lokasi kejadian.

"Kebakaran membabitkan sebuah rumah separuh kekal yang musnah 80 peratus. Kebakaran

dapat dikawal pada jam 6.54 pagi.

"Dalam kejadian ini, seorang warga emas lelaki berusia 81 tahun ditemui rentung di bahagian dapur," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Punca masih disiasat

Beliau berkata, punca kejadian dan jumlah kerugian masih disiasat.

Sementara itu, Ketua Polis Dae-

rah Tangkak, Superintendent Roslan Mohd Taib, berkata setakat ini polis mengklasifikasikan bahawa kes berkenaan sebagai mati mengejut.

"Mangsa tinggal bersendirian di rumah itu.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kebakaran berkenaan diminta untuk menghubungi pihak polis bagi membantu siasatan kejadian," katanya.



TAJUK : 'DOKTOR KATA SAYA MUNGKIN LUMPUH'

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



IBRAHIM mengendalikan jentera berat dengan memasukkan sampah ke dalam lori. - Gambar NSTP/AZUDDIN SAAD

'Doktor kata saya mungkin lumpuh'

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Ibrahim diberi peluang bekerja bersama Alam Flora walaupun pergerakan terbatas

Putrajaya

Kemalangan motosikal enam tahun lalu hampir meragut nyawa bapa tiga anak, Ibrahim Ismail namun ditakdirkan umurnya panjang.

Insiden itu mengubah statusnya menjadi orang kurang upaya (OKU) kesan kecederaan pada pelvis dan tangan yang menyebabkan jangkitan kuman pada sendi hingga kaki kirinya tidak lagi kuat seperti dulu.

Berikutan keadaan itu, Ibrahim, 41, ditahan selama 45 hari di Hospital Ka-

jang, Selangor dan tidak dapat bekerja kerana perlu mengambil cuti sakit selama dua tahun.

Mengenangkan tanggungjawab sebagai ketua keluarga, Ibrahim berusaha bangkit dan kini gigih membanting tulang mencari rezeki sebagai pemandu jentera berat di syarikat Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora).

Menyingkap kisahnya, Ibrahim mengakui berat untuknya menerima hakikat perubahan diri yang kini terhad pergerakannya berbanding ketika normal dulu.

"Saya terbabit dalam kemalangan ketika dalam perjalanan ke tempat kerja selepas motosikal ditunggang bertembung dengan kereta.

"Selepas kemalangan, saya tak koma, tetapi terbaring dan waktu itu 50/50 (antara hidup dan mati) juga hingga semua yang datang melawat menngis.

"Ketika itu, doktor kata saya mungkin tak dapat berjalan dan lumpuh akibat luka dalaman. Jadi keadaan itu membuatkan saya susah terima (hakikat), namun ramai yang beri semangat.

"Tapi ada juga juga yang cuba jatuhkan semangat saya dengan persoalan kenapa masih kerja, tetapi saya abaikan kerana ada tanggungjawab mencari rezeki buat keluarga," katanya ketika ditemui Harian Metro di Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS) dekat Presint 5 di sini.

Menurut Ibrahim, dia bersyukur kerana masih diberi peluang oleh majikan untuk terus bekerja walaupun dengan pergerakan terbatas dan kudrat tidak sekuat dulu.

Katanya, keyakinan majikan terhadapnya itu yang membuatnya lebih bersemangat untuk bekerja.

"Skop kerja saya adalah kendalikan jentera berat dan alihkan pokok dan

sampah di kawasan perumahan setempat yang ditetapkan dan berdasarkan aduan penduduk.

"Waktu kerja saya dari Isnin hingga Sabtu dan cabarannya adalah tak boleh berdiri lama, turun naik dengan kerap dan angkat benda berat.

"Ia kerana keadaan kaki kiri yang tak stabil dan risiko tinggi jika buat pembedahan namun mujur majikan faham dan masih terima saya," katanya.

Bagaimanapun, Ibrahim tidak dapat lari daripada pandangan sinis segelintir masyarakat yang memandang rendah pekerjaannya.

"Memang ada (memandang rendah) dan kebiasannya orang pandang semacam setiap kali nak masuk kedai makan mungkin kerana risau saya bawa bau yang tak menyenangkan," katanya.

Alam Flora buka peluang pada OKU

Kuala Lumpur: Kesukaran segelintir Orang Kurang Upaya (OKU) mendapatkan pekerjaan mendorong Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) membuka peluang kerjaya kepada golongan berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Datuk Mohd Zain Hassan berkata, pengambilan kakitangan OKU sudah menjadi amalan dan kelaziman Alam Flora sejak beroperasi lebih 25 tahun lalu.

Menurut Mohd Zain, ia kerana syarikat menganggap golongan itu juga berkemampuan memberi sumbangan terhadap kejayaan sesebuah organisasi.

"Alam Flora mengamalkan sifat keterbukaan dan memberi peluang sama rata kepada setiap golongan masyarakat yang berkelayakan untuk menjadi kakitangan syarikat.

"Bagi memastikan kelancaran operasi Alam Flora lebih terjamin, pengambilan kakitangan OKU terbuka kepada tiga kategori iaitu fizikal, pendengaran dan masalah pembelajaran.

"Setakat ini, Alam Flora sudah merekrut kira-kira 20 OKU yang kini berkhidmat di ibu pejabat syarikat, kawasan perkhidmatan Kuala Lumpur, Putrajaya, Kuantan, Bentong, Raub dan Kuala Lipis di Pahang," katanya dalam satu kenyataan kepada Harian Metro.

Mohd Zain yakin kakitangan OKU sedia ada akan membantu kelancaran operasi dan perkhidmatan.

Menurut Mohd Zain, ia kerana kakitangan terpilih sudah melalui saringan ketika proses pengambilan.

"Sepanjang operasi, kakitangan terbahit juga diberi peluang latihan bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam pekerjaan yang dilakukan.

"Alam Flora sentiasa bersikap sama rata dan setiap kakitangan OKU sentiasa mempunyai peluang seperti kakitangan yang lain," katanya.



Alam Flora mengamalkan sifat keterbukaan dan memberi peluang sama rata kepada setiap golongan masyarakat yang berkelayakan untuk menjadi kakitangan syarikat"

Mohd Zain Hassan



"Skop kerja saya adalah kendalikan jentera berat dan alihkan pokok dan sampah"





TAJUK :	BERDEBAR RAI KONVO SEMINGGU SEBELUM BERSALIN		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	HARIAN METRO
TARIKH :	28 OGOS 2023	M/SURAT :	21
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Berdebar rai konvo seminggu sebelum bersalin

Kuala Terengganu: "Gembira! Itu saja yang saya mampu ungkap kerana bergraduasi dengan bayi dalam kandungan yang dijangka lahir minggu hadapan," kata Nurul Fadhilah Johari, 22. Graduan Diploma Elektrik dan Elektronik itu berkata, dia tidak menyangka menghadiri Majlis Konvokesyen Politeknik Kuala Terengganu ke-20 dalam keadaan berbadan dua.

Katanya, perasaannya

berdebar kerana hadir dengan kelainan apabila hamil anak sulung dan dijangka bersalin minggu hadapan. "Walaupun tempuh perjalanan jauh dari Puncak Alam, Selangor ke Kuala Terengganu selama tujuh jam, keletihan terubat apabila menerima diploma dalam majlis konvokesyen ini. "Konvensyen ini meninggalkan pengalaman manis buat saya kerana hanya seminggu lagi dari tarikh bersalin," katanya di

sini, semalam. Menurutnya, dia yang ditemani suami, Muhamad Haziq Mat Sofi, 23, mengambil keputusan datang ke Kuala Terengganu bagi meraikan hari bersejarah itu. Katanya, walaupun bakal bergelar ibu, dia berhajat melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda pada masa depan. Sementara itu, penerima Anugerah Pengarah, Siti Nur Afifah Sheikh Shamsul Annuar Banafex, 22, dari

Kuantan, Pahang berkata, semalam hari paling bahagia buat dirinya. "Perasaan bercampur-baur, teruja, gembira apabila diumumkan menerima anugerah (pengarah) ini dan penat lelah bergelar pelajar kini terubat. "Sekarang saya bertugas sebagai pembantu tadbir di Majlis Sukan Negeri Pahang dan kini berhajat melanjutkan pelajaran dalam bidang sama iaitu teknologi dan komunikasi.



NURUL Fadhilah ditemani suami, Muhamad Haziq pada Majlis Konvokesyen Politeknik Kuala Terengganu kali ke-20.



TAJUK : DENDAM CINTA DITOLAK

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Dendam cinta ditolak

Sarikei: Berang cintanya ditolak, seorang lelaki bertindak menembak sebuah pacuan empat roda dengan senjata api dipercayai akibat membalas dendam.

Ketua Polis Daerah Julau Deputy Superintendan Andam Sulin berkata, pihaknya menerima laporan jam 10.45 malam pada 23 Ogos lalu berhubung bahagian pemandu kenderaan berkenaan ditembak.

Menurutnya, ketika kejadian, pemandu kenderaan itu dikatakan dalam perjalanan ke rumah di Sungai Pinang, Jalan Wak Buku Pakan, Julau di sini.


Katanya, berdasarkan maklumat, sepasukan anggota polis menahan suspek berusia 20 tahun

jam 5.30 petang keesokannya.

“Siasatan awal mendapati motif suspek bertindak sedemikian kerana perasaan dendam terhadap keluarga mangsa selepas cintanya ditolak oleh seorang ahli keluarga berkenaan.

“Polis turut merampas dua senapang patah Bekkok buatan sendiri, dua senapang angin buatan sendiri, peluru jenama Clever 12 Mirage dan satu kelongsong peluru jenama 12 Mirage daripada suspek.

“Rampasan dibuat dengan dipandu arah oleh suspek lalu dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Julau untuk siasatan lanjut,” katanya, semalam.



TAJUK : KAU MEMANG HEBAT!

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



MUHAMMAD Aqil Naufal bersemangat menyertai Kejohanan Olahraga Pendidikan Khas MSSD Jerantut 2023 walaupun bertongkat.

Kau memang hebat!

Murid OKU kudung kaki habiskan larian walaupun pakai tongkat

Oleh Redzuan
Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Jerantut

"Malu sebenarnya nak lari depan ramai orang tapi saya teruskan juga larian kerana nak sampai ke garisan penamat macam rakan lain," kata orang kurang upaya (OKU) fizikal, Muhammad Aqil Naufal Zahiran.

Muhammad Aqil, 11, mendapat perhatian di laman sosial selepas membuktikan keupayaannya berlari sehingga ke garisan penamat dalam satu kejohanan olahraga walaupun dalam keadaan kudung kaki kiri dan memakai tongkat.

Meskipun menjadi peserta terakhir yang sampai ke garisan penamat namun semangatnya untuk menghabiskan larian mendapat pujian ramai.

Muhammad Aqil yang juga murid Program Pendidikan Inklusif (PPI) di Sekolah Kebangsaan (SK) Felda Lepar Utara 1 di sini berkata, dia memang aktif dalam sukan cuma cenderung dalam bola sepak.

Anak sulung daripada dua beradik itu berkata, penyertaan dalam Kejohanan Olahraga Pendidikan Khas Majlis Sukan Sekolah Dae-



Saya pula kali pertama ambil bahagian jadi malu berdiri sebelah peserta lain tapi teruskan larian walaupun seluar hampir terlondeh kerana fikir apa pun berlaku, saya nak habiskan larian walaupun rakan lain sudah jauh di depan"

Muhammad Aqil
Naufal Zahiran

rah (MSSD) Jerantut 2023 adalah yang pertama dan mengambil bahagian kerana mendapat dorongan daripada gurunya.

"Cikgu minta saya ambil bahagian jadi saya pun cuba dan sempat ikuti latihan selama empat hari sebelum hari kejohanan.

"Nak kata gementar sangat tidak tetapi kaki terketar-ketar juga kerana fikirkan ramai orang tengok saya waktu itu.

"Saya pula kali pertama ambil bahagian jadi malu berdiri sebelah peserta lain tapi teruskan larian walaupun seluar hampir terlondeh kerana fikir apa pun berlaku, saya nak habiskan larian walaupun rakan lain sudah jauh di depan.

"Lega dan tak sangka apabila dapat sampai juga ke garisan penamat. Gembira rasanya terutama apabila cikgu datang ucap tahniah kepada saya," katanya dihubungi Harian Metro.

Menurutnya, dia tidak menolak kemungkinan untuk turut serta lagi dalam acara olahraga di kejohanan lain jika diberi peluang.

"Saya minat main bola sepak tetapi jika diberi peluang sertai lagi lumba lari, saya sedia ambil bahagian," katanya yang kudung kaki kiri sejak 2015 kerana dipotong akibat jangkitan kuman dan bergelar anak yatim selepas kematian bapanya dua tahun lalu.

Sementara itu, Intan Zulaikha Jusoh, 35, yang juga guru pengiring Muhammad Aqil ketika kejohanan mengakui tersentuh dan bangga melihat kesungguhan serta semangat ditunjukkan muridnya itu berlari sehingga ke garisan penamat.

"Sebelum acara bermula, saya ada pesan pada dia (Muhammad Aqil) yang saya tak paksa dia menang kerana niat saya cuma nak dia sertai aktiviti sukan serta bawa dia keluar.

"Saya harap dia dapat habiskan larian sampai ke garisan penamat tapi kalau tak larat atau sakit, saya enggan dia paksa diri kerana faham keadaannya.

"Tak sangka dia memberikan saingan juga di awal larian dan sampai ke garisan penamat, itu yang buat saya kagum dengan semangatnya.

"Niat saya berlari bersama dia ketika itu sekadar untuk terus memberikan semangat pada dia untuk teruskan larian sampai ke garisan penamat, teman dia dan tak nak berasa yang dia lari berseorangan sebab kawan lain sudah jauh ke depan, itu saja," katanya.

Dalam pada itu, ibu Muhammad Aqil, Noor Hafizah Mat Desa, 36, mengakui berasa ralat kerana tidak dapat hadir ke acara yang berlangsung di Kompleks Belia dan Sukan Daerah Jerantut pada Rabu lalu kerana terikat dengan urusan kerja.

Bagaimanapun, Noor Hafizah berbangga dengan pencapaian anaknya itu walaupun tidak mendapat tempat di atas podium.

"Bukan rezeki saya untuk tengok Aqil (nama panggilan) berlari pada hari itu kerana saya ingatkan kejohanan berlangsung pada 24 Ogos, rupanya hari sebelumnya.

"Tapi cikgu ada kongsi gambar dan video jadi memang bangga bukan kerana kisah Aqil tular tetapi dia memang pembakar semangat untuk saya," katanya.



TAJUK : LUPA SAKIT TENGOK PELAJAR

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Kuantan

“Lemah fizikal selepas disahkan menghidap penyakit radang saraf sejak enam tahun lalu tidak sedikit pun menjejaskan semangat untuk mendidik anak bangsa walaupun menggunakan kerusi roda.”

Begitu kata guru pendidikan khas masalah pendengaran, Maslina Ahmad, 39, apabila pengerakannya terbatas terutama selepas kaki kanan lemah dan tidak mampu berjalan manakala kaki kiri tidak kuat.

Maslina yang kini mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Alor Akar di sini, berkata penyakitnya bertambah serius sejak dua tahun lalu hingga perlu menggunakan kerusi roda untuk bergerak bagi mengelak terjatuh atau cedera serius.

Menurutnya, bagi menurangkan kesakitan dan memastikan sakit tidak menyerang anggota lain, dia makan ubat disediakan Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) setiap hari sepanjang hayat.

“Walaupun kini bergerak menggunakan kerusi roda, semangat saya mencurahkan ilmu kepada pelajar pendidikan khas tidak pernah luntur. Selama 15 tahun dalam bidang pendidikan, saya belum puas mengajar menggunakan bahasa isyarat sambil dikelilingi pelajar pendidikan khas ini. Saya tidak pernah bercadang bersara awal kerana masalah kesihatan kerana jiwa saya pendidik saya msaih kuat dan tidak mungkin menyerah kalah,” katanya.

Ibu tiga cahaya mata ber-



MASLINA mengajar kelas pendidikan khas masalah pendengaran di SMK Alor Akar.

“Penyakit ini adalah ujian untuk menguji keimanan dan kekuatan semangat bagi mengharungi kehidupan”

Lupa sakit tengok pelajar

Guru sakit saraf tak patah semangat curah ilmu walaupun perlu bergerak dengan kerusi roda

kanaan berkata demikian selepas menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuantan di sini, kelmarin.

Majlis dirasmikan Ketua Umno Bahagian Kuantan, Datuk Seri Abdul Hamid Nazahar mewakili Menteri Besar Pahang. Hadir sama, Pegawai PPD Kuantan, Miftah Surif.

Maslina berkata, sokongan kuat suami, Muham-

ad Faiz Ab Hamid, anak rakan dan pengetua SMK Alor Akar menguatkan semangatnya melawan penyakit walaupun pada awalnya sukar diterima.

Katanya, setiap kali menatap wajah pelajar pendidikan khas, semangatnya bertambah kuat dan lupa masalah dihadapi.

Katanya, setiap kali melihat penderitaan individu lain yang menghidap pelbagai penyakit kronik, ter-


detik di hati rasa syukur kerana penyakitnya dianggap kecil berbanding insan lain.

“Penyakit ini adalah ujian untuk menguji keimanan dan kekuatan semangat bagi mengharungi kehidupan,” kata guru lepasan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu.

MASLINA menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PPD Kuantan.



MASLINA mengajar pelajar pendidikan khas masalah pendengaran menggunakan bahasa isyarat selama 15 tahun.



TAJUK : TAK NAK KE SEKOLAH TRAUMA KENA ROTAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Tak nak ke sekolah trauma kena **rotan**

Pelajar perempuan gagal beri sebab tidak hadir didenda di perhimpunan hilang keyakinan diri kembali belajar

Oleh Hazira
Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Kuala Krai

Trauma selepas dirotan guru disiplin kerana gagal memberi alasan tidak hadir ke sekolah mengakibatkan seorang pelajar perempuan sebuah sekolah menengah di sini, tidak hadir ke sekolah sejak Jun lalu.

Ibunya Surayah Ismail, 52, berkata, anak bongsu daripada tujuh beradik berusia 14 tahun itu dirotan pada betis oleh guru disiplin sehingga lebam dan bengkak kerana gagal memberi sebab ketidakhadirannya sebelum itu.

“Saya hantar pesanan melalui aplikasi WhatsApp memaklumkan anak saya tidak dapat hadir ke sekolah disebabkan demam kerana bisul di telinga”

“Bagaimanapun, sehari sebelum insiden anak dirotan, saya menghubungi guru kelasnya, namun tidak dijawab.

“Saya menghantar pesanan melalui aplikasi WhatsApp bagi memaklumkan anak saya tidak dapat hadir ke sekolah di-

sebabkan demam kerana bisul di telinga.

“Namun pada keesokkannya, anak saya dan rakan yang lain dipanggil guru disiplin pada perhimpunan pagi lalu dirotan guru terbabit di khalayak ramai tanpa sebab kukuh,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Katanya, rentetan insiden itu, anaknya tidak lagi mahu ke sekolah kerana bimbang diejek guru dan rakan lain.

“Sekiranya anak saya belajar seperti biasa, dia tetap tidak dapat memberi perhatian dan mengalami tekanan mental teruk.

“Sehingga kini, pihak keluarga berusaha mem-

bantu menyembuhkan anak saya dari pelbagai sudut rawatan bagi mengembalikan keyakinan serta memulihkan trauma,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Krai, Superintendan Suzaimi Mohamad mengesahkan menerima laporan.

Menurutnya, pengadu membuat laporan polis kerana mendakwa anaknya dirotan sehingga mendatangkan kecederaan dan siasatan dijalankan.

Dalam pada itu, Harian Metro turut menghubungi Jabatan Pendidikan Negeri namun belum mendapat maklum balas berhubung perkara berkenaan.



TAJUK : TERPIJAK PEDAL MINYAK HENTAM MEDAN SELERA

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 21

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



ORANG ramai menyelamatkan diri seurus MPV merempuh pelanggan dalam keadaan mengundur.



DETIK ketika kereta mengundur memasuki medan makan.



BANGKU Medan Selera Tanjung Kling mengalami kerosakan.

PELANGGAN SEDANG MAKAN PANIK

Terpijak pedal minyak hentam medan selera

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

bagai guna (MPV) ketika menjamu selera di Medan Selera Tanjung Kling di sini, kelmarin.

Suasana gempar itu berlaku jam 2.43 petang apabila Toyota Avanza berkenaan yang dipandu seorang remaja lelaki merempuh pelanggan terbabit da-

Melaka

Sekumpulan pelanggan berdepan detik cemas apabila dirempuh sebuah kenderaan pel-

“Remaja berusia 16 tahun diminta ibunya untuk memanaskan enjin MPV di ruang parkir di hadapan medan selera berkenaan”

lam keadaan mengundur. Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, siasatan awal mendapati kemalangan berlaku apabila remaja berusia 16 tahun itu diminta ibunya untuk memanaskan enjin MPV di ruang parkir di hadapan medan selera berkenaan.

Menurutnya, ketika memanaskan enjin, remaja terbabit tertekan pedal minyak dan mengubah gear kepada butang R menyebabkan MPV itu mengundur secara mengejut sebelum bergesel dengan kereta di parkir bersebelahan.

“MPV itu kemudian merempuh kerusi dan meja diduduki beberapa pelanggan di dalam medan selera itu, namun mujur mereka sempat mengelak daripada keadaan menjadi lebih serius,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Klip video kejadian itu berdurasi 21 saat yang dirakam sistem kamera litar tertutup (CCTV) gerai medan selera terbabit turut tular dan pemerhatian mendapati sekurang-kurangnya 11 pelanggan termasuk seorang bayi ter-

babit dalam insiden berkenaan.

Christopher berkata, bagaimanapun setakat ini polis belum mengetahui jumlah sebenar mangsa yang terbabit, selain tiada mangsa dikesan menjalani rawatan di hospital.


“Mungkin ada yang cedera, tetapi setakat ini polis belum mengetahui jumlah sebenar mangsa yang terbabit, selain tiada mangsa dikesan menjalani rawatan di hospital.

“Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan kita turut mengambil rakaman CCTV untuk dianalisis,” katanya.

Beliau berkata, kereta yang diparkir bersebelahan MPV itu mengalami kerosakan pada pintu dan cermin.



KEADAAN Toyota Avanza terbabit.



TAJUK : TETAP BAYAR PENUH KOS BAYARAN HAJI

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

BANTUAN KEWANGAN HAJI TH

Tetap bayar penuh kos bayaran haji

Kuala Lumpur: Warga emas, Khatijah Ali (*gambar*) sanggup menolak Bantuan Kewangan Haji ditawarkan Lembaga Tabung Haji (TH) kepadanya pada tahun ini, bagi memberi peluang kepada bakal haji yang lebih memerlukan bantuan itu.

Pesara sektor swasta berusia 63 tahun dari Melaka itu menganggap, tindakan berkenaan sebagai sumbangan atau sedekahnya supaya lebih ramai individu yang ingin menunaikan haji mendapat manfaat daripada bantuan berkenaan.

Khatijah mengambil pendekatan membuat bayaran penuh kos haji sebanyak RM30,850, sekali gus menolak tawaran Bantuan Kewangan Haji disediakan TH untuknya berjumlah RM19,870.

"Saya mula menabung di Tabung Haji pada 2 Februari 2007 dan daftar haji pada 7 Januari 2009. Simpanan saya di TH mencukupi dan saya menolak bantuan diberikan untuk bantu yang lain," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Bantuan Kewangan Haji adalah usaha TH sebagai institusi kewangan Islam untuk membantu kumpulan B40 dan M40 yang kali pertama menunaikan ibadah haji.

Pada tahun ini, TH memperuntukkan RM400 juta bagi menampung kos jemaah haji kumpulan berkenaan dan akan terus membiayai bantuan itu secara bersasar walaupun kos haji ke Tanah Suci meningkat kepada RM30,850 berbanding RM28,632 tahun lalu.

Bagi seorang pengusaha projek pertanian di Perak yang hanya ingin dikenali sebagai Saleh, 48, dia berpegang kepada syarat istita'ah atau kemampuan dalam kewajipan menunaikan ibadah itu.

"Saya memilih menggunakan wang tabungan sendiri yang mula disimpan ibu bapa saya di Tabung Haji sejak awal 80-an dan saya menyambung menyimpannya setelah dewasa. Walaupun ditawarkan Bantuan Kewangan Haji, saya beranggapan adalah lebih adil menanggung keseluruhan kos mengerjakan haji di Tanah Suci



"Saya mula menabung di Tabung Haji pada 2 Februari 2007 dan daftar haji pada 7 Januari 2009. Simpanan saya di TH mencukupi dan saya menolak bantuan diberikan untuk bantu yang lain"

sendiri.
"Tambahan pula wang yang disimpan mencukupi untuk menanggung keseluruhan kos. Apabila tidak mengambilnya (Bantuan Kewangan Haji), sekurang-kurangnya ia boleh disalurkan kepada mereka yang lebih memerlukan," katanya.

Saleh yang sepatutnya menunaikan haji pada 2022 namun tertangguh akibat Covid-19, tersenarai dalam giliran haji dengan tawaran Bantuan Kewangan Haji bagi kumpulan B40 sebanyak RM10,850 untuk mengerjakan haji pada Jun lalu.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Nur Hafizah Mohammad Ismail berkata, Bantuan Kewangan Haji secara bersasar akan meringankan beban jemaah haji yang mungkin menghadapi kesukaran kewangan menunaikan ibadah haji kali pertama.

Beliau berkata, bantuan itu bersifat inklusif dan adil kepada pelaksanaan haji, dengan setiap jemaah haji yang mempunyai pelbagai latar belakang kewangan akan memiliki peluang menunaikan haji.
- Bernama



TAJUK : WARGA EMAS RENTUNG

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Warga emas rentung

Tangkak: Seorang warga emas ditemukan rentung dalam kebakaran sebuah rumah di Kampung Sungai Pilah, Bukit Gambir di sini, semalam.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tangkak, Penolong Penguasa Bomba Rafiah Aziz berkata, lelaki berumur 81 tahun yang dipercayai tinggal berseorangan itu ditemukan rentung di

dapur rumah berkenaan.

Beliau berkata terdahulu, satu jentera *Fire Rescue Tender* (FRT) dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bukit Gambir dan satu FRT serta satu utiliti bantuan dari BBP Tangkak dengan 16 anggota, digegaskan ke lokasi kejadian selepas Pusat Gerakan Operasi (PGO) negeri menerima panggilan kecemasan jam 6.16 pagi.



TAJUK : ZAHIR NAMPAK SEMPURNA

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Ketika segelintir individu memilih pekerjaan, ramai orang kurang upaya (OKU) mengharapkan diberi peluang bekerja.

Buktinya, ada yang sanggup bekerja dalam sektor 3D (kotor, bahaya, sukar) sebagai tukang sapu sampah dan pemandu jentera berat demi mencari rezeki.

Ikuti temu bual Harian Metro bersama dua insan istimewa OKU, Mohd Azme Akub dan Ibrahim Ismail yang ketepikan kekurangan diri dan gigih mengerah keringat untuk menyera keluarga.

Oleh Redzuan
Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Zahirnya, Mohd Azme Akub nampak sempurna kerana mampu bekerja sebagai pekerja pembersihan.

Hakikatnya, bapa dua anak berstatus orang kurang upaya (OKU) fizikal itu pernah berdepan pengalaman ngeri terbahit kemalangan di tempat kerja yang menyebabkannya hampir cacat kekal.

Insiden itu berlaku selepas sarung tangan dipakai melekat pada mesin hingga tangan kanannya terputus hingga paras siku.

Bagaimanapun, rawatan dan pembedahan pantas membantu menyambung semula tangan Mohd Azme, 38, walaupun tidak sempurna seperti asal.

Ber cerita lanjut, Mohd Azme yang menetap di Cheras berkata, peristiwa itu masih segar di ingatannya walaupun sudah 20 tahun berlalu.

"Saya angkat sendiri tangan yang terputus itu dan nampak cebisan daging sebelum masukkan ke dalam plastik.

"Tak pengsan pun ketika itu cuma tergamam dan takut melihat keadaan tangan yang terputus. Sele-

Zahir nampak sempurna

Sokongan keluarga, isteri dan rakan buatkan Mohd Azme tak putus asa cari kerja



OKU fizikal dan juga kru pembersihan, Mohd Azme di Pusat Pelupusan Pandu Lalu (DTRC) Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora). - Gambar NSTP/AZIAH AZMEE

"Ada juga orang yang memperlekehkan saya namun keluarga terutama isteri dan rakan yang banyak beri sokongan. Itu yang membuatkan saya tak putus asa hingga akhirnya diterima juga bekerja oleh majikan"

pas kejadian, saya dikejarkan ke hospital dan buat pembedahan pada hari yang sama. Disebabkan tindakan pantas berkenaan,

tangan saya dapat diselamatkan dan disambung semula," katanya ditemui Harian Metro di Pusat Pelu-



KERJA berjalan lancar cuma ambil masa untuk menyapu kerana tangan tidak sekuat orang normal.

san Pandu Lalu (DTRC) Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) di Chow Kit di sini, baru-baru ini.

Ber cerita lanjut, Mohd Azme berkata, hampir enam tahun dia tidak bekerja selepas terbahit dalam kemalangan itu dan bertahan dengan bantuan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

"Saya mohon kerja di banyak tempat namun tak diterima kerana keadaan tangan dan status sebagai OKU.

"Ada juga orang yang memperlekehkan saya namun keluarga terutama isteri dan rakan yang banyak beri sokongan. Itu yang membuatkan saya tak putus asa hingga akhirnya diterima juga be-

kerja oleh majikan.


"Alhamdulillah, sudah dua tahun saya bekerja di syarikat Alam Flora dan masih bertahan hingga kini," katanya yang pernah bekerja sebagai jurukimpal.

Menurut Mohd Azme, waktu kerjanya bermula jam 7 pagi hingga 4 petang dan bekerja setiap hari kecuali Ahad.

Katanya, skop kerja saya adalah menyapu sampah sarap di kawasan ditetapkan oleh penyelia.

"Setakat ini, tiada keangan sangat malah kerja berjalan lancar cuma ambil masa juga untuk menyapu kerana tangan tidak sekuat orang normal.

"Kepuasan saya adalah apabila dapat sempurna tugas dan bersihkan tempat yang kotor. Anak tahu saya kerja apa dan dia faham tugas saya walaupun masih kecil," katanya.



TAJUK : MAN HELD OVER ALLEGED MURDER ATTEMPT

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

FIRED SHOTS AT WOMAN'S TRUCK

Man held over alleged murder attempt

JULAU: A man was arrested for alleged attempted murder after firing several shots at a pickup truck belonging to a woman who had rejected his romantic advances.

Julau district police chief Deputy Superintendent Andam Sulin, said police were alerted to the incident at 10.45pm last Wednesday.

The report was lodged by a man claiming that his daughter's Toyota Hilux was fired upon while she was on her way home to Sun-

gai Pinang, Jalan Wak Buku Pakan, here.

At 5.30pm on Thursday, policemen from the Sarawak police contingent headquarters and the Julau police criminal investigation department arrested the suspect, who is in his 20s.

"The man held a grudge against the victim's family after the woman rebuffed his attempts to date her," Andam said in a statement, adding that police also seized several firearms, including two homemade shotguns, two home-

made air rifles, a Clever Mirage 12 bullet, as well as a 12 Mirage shotgun shell from the suspect.

"The suspect was then brought to the Julau district police headquarters."

He said the courts granted a four-day remand for the suspect, currently held at the Julau police station lockup.

He said the case was being investigated for attempted murder. If charged and found guilty, the suspect could be jailed up to 10 years.



TAJUK : SENIOR CITIZEN, 81, DIES IN HOUSE FIRE

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

CASE CLASSIFIED AS SUDDEN DEATH

Senior citizen, 81, dies in house fire

TANGKAK: An 81-year-old man was killed in a fire which destroyed his house in Kampung Sungai Pilah in Bukit Gambir here, yesterday.

Tangkak fire station operations commander Rafiah Aziz said the remains of Daud Abd Latif were

found in the kitchen.

She said in response to an emergency call at 6.16am, 16 firemen were dispatched to the scene.

Rafiah said the house was already ablaze when they reached the location.

The cause of the fire has yet to


be ascertained.

Tangkak district police chief Superintendent Roslan Mohd-Taib said police had classified the case as sudden death for now.

He urged anyone with information on the incident to contact the police.



Firemen putting out remnants of the blaze which killed an 81-year-old man at his house in Kampung Sungai Pilah, Bukit Gambir, Negri Sembilan, yesterday. PIC COURTESY OF FIRE AND RESCUE DEPARTMENT



TAJUK : TEEN CRASHES CAR INTO FOOD COURT PATRONS

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



The state of the car which backed into diners at Medan Selera Tanjung Kling in Melaka, on Saturday. PIC COURTESY OF THE MELAKA TENGAH POLICE HEADQUARTERS

NO REPORT FILED SO FAR

TEEN CRASHES CAR INTO FOOD COURT PATRONS

16-year-old told by mum to start car, but
accidentally steps on accelerator

MELAKA

DINERS at Medan Selera Tanjung Kling here had a terrifying moment on Saturday when a 16-year-old teenager crashed his mother's Toyota Avanza into the food court.

Melaka Tengah district police chief Christopher Patit yesterday said in the 2.43pm incident, the multi-purpose vehicle driven by the boy also hit a Proton Suprima S parked next to it.

"The teenager was asked by his mother to start the Toyota Avanza, but he accidentally stepped on the accelerator, reversing the vehicle into the food court.

"The Proton Suprima S car sus-

tained damage to the doors as a result of the incident, but the teenager escaped unhurt."

The police, however, did not know the number of diners involved in the incident or their condition because none had come forward to file a report.

The case is being investigated under Section 43(1) of the Road Transport Act 1987 for reckless driving.

A 21-second video showing the Toyota Avanza smashing into a car parked next to it before reversing at high speed and crashing into customers, including children who were having their meals at the food court, went viral on social media yesterday.

Bernama



TAJUK :	'FESTIVALS PROVIDES SPACE, OPPORTUNITY FOR KIDS TO EXPRESS TALENTS, CREATIVITY'		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	28 OGOS 2023	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

'Festivals provides space, opportunity for kids to express talents, creativity'

MIRI: Children's festivals can provide the space and opportunity for the little ones to explore their talents and creativity.

In stating this, Deputy Minister I for Women, Childhood and Community Development Datuk Rosey Yunus said such events could also provide the children with good educational experience.

"Children's festivals often feature activities that allow children to express themselves creatively, such as those relating to arts and crafts, music, and dance.

"This would help in developing the children's creativity and imagination.

"Festivals are also a great way to promote learning and exploration where the children are able to learn about new things such as different cultures, animals, or the natural world," she told

Children's festivals often feature activities that allow children to express themselves creatively, such as those relating to arts and crafts, music, and dance. This would help in developing the children's creativity and imagination.

Datuk Rosey Yunus

reporters after officiating at the closing ceremony for Sarawak Children's Festival 2023 at Pustaka Miri yesterday.

The Bekenu assemblywoman also hailed the festival as 'a suitable venue' that could promote better social interactions between the children, facilitating them in meeting new people and making friends.

"In this regard, I hope such an event involving more agencies would be held on a larger scale next time," she added.

More than 4,000 children and

their families attended the two-day festival, which kicked off last Saturday.

Organised by Pustaka Miri, various activities were lined including the 'Story Space', 'Market Space', 'Performance Space', 'Cultural Space', 'Artistic Space', 'Sustainable Space', 'Marker Space', 'Sensory Space', 'Gastro Space', 'Hero Space', 'Nature Space', and 'Egame Space'.


Also present yesterday was Pustaka Miri regional manager Razak Rambili.



Rosey (front, third left) and others reacting to balloons coming out of a box, set as a gimmick to mark the closing of the festival.



Rosey (front, second left) and others looking at a boy exhibiting his skills in the 'Speed Stacks' game.



TAJUK : 16-YEAR-OLD BOY REVERSES CAR INTO FOOD COURT

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

16-year-old boy reverses car into food court

MELAKA: A 16-year-old boy reversed a car into a food court at Tanjung Kling, Pantai Puteri here, sending 13 patrons including children running helter-skelter.

Some of them sustained minor injuries in the 2.43pm incident yesterday, said Melaka Tengah OCPD Asst Comm Christopher Patit.

The teenager was behind the wheel after being told by his 51-year-old mother to warm up the vehicle's engine.

ACP Christopher said their multi-purpose vehicle (MPV) hit another car parked next to it before ploughing into diners at the food court.

"The boy is believed to have accidentally accelerated the vehicle while starting the engine," he said, adding that 13 patrons were



caught in the incident.

The teenager and his family from Seremban, Negri Sembilan, were on holiday here when the accident happened.

The ordeal was captured by the CCTV at the eatery.

ACP Christopher said police are probing the case under Section 43(1) of the Road Transport Act 1987 for careless driving.

A 21-second video of the incident showing the MPV crashing into customers who were eating at the food court went viral online.



Moment of chaos: A still from the CCTV recording of the incident shows the car being backed up into the food court in the Tanjung Kling area of Pantai Puteri, Melaka.



TAJUK : FELDA PUPILS WIN GOLD IN ROBOTICS

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 10

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Felda pupils win gold in robotics

Three of them wowed judges with their practical 21st-century modern house designs

By YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my

KOTA TINGGI: A group of primary school pupils from a Felda settlement here has made the country proud by bagging the gold prize at an international robotics competition held in South Korea.

SK Felda Lok Heng Selatan pupils Athirah Nur Amani Fatimah, Muhammad Irfan Saifuddin Mohd Yus and Muhammad Al-Fatih Huszarudin wowed the judges at the International Youth Robot Competition on Aug 4 and 5 with their designs in the junior categories for soccer, sumo and innovation.

Their winning model – a 21st-century modern house – uses sensors and voice activation functions to perform tasks such as extending the roof of the house when it rains, sounding the alarm when it floods and switching on the indicator when the toilet is occupied.

Year Five pupil Athirah Nur Amani said it was not her interest in Science that got her into her school's robotics club but rather, her interest in putting parts together to make things work.

"I enjoy looking at how things are made. I have always been curious about robots and their functions.

"Last year, my parents encour-



Gold standard: SK Felda Lok Heng Selatan pupils Athirah (right) and Muhammad Irfan (second left) with their coach Huszarudin (left) and mentor Zahidah Ab Aziz (second right) having a go at their winning design.

aged me to join the club. It has been interesting so far as I got to learn how to assemble parts, code and operate robots," she said in an interview.

Being a girl does not stop her from participating in robotics activities, which is typically seen as being male-dominated.

"Being on the team has taught me to always strive for the best and be open to learning new things.

"At first, I found it difficult to

get some of the assembling right. It took me about one to two months under my teacher's guidance to become familiar with it.

"I feel a strong sense of satisfaction when I manage to get a task right," she said, adding that it was her first time visiting a foreign country to take part in a competition and bagging a gold medal made the trip even sweeter.

Her teammate Muhammad Irfan, who is in Year Six, said his love for robots stemmed from his

interest in science fiction action film, *Transformers*.

"My siblings and I are huge fans of the robots that usually disguise themselves as vehicles, which gave me ideas about making robots that have similar features.

"Through my experience in robotics, I have learned that there are many things we can design to make life easier for human beings.

"It was an eye-opening experience at the competition as we also got to see the inventions of com-

petitors from other countries such as Columbia, Brazil, Israel, Taiwan, Thailand and Indonesia, which can help us to improve our future designs," he said.

Their coach Huszarudin Hussin said that winning the gold prize was the best performance by the school so far, after finishing second in the 2020 leg of the challenge, held online due to the Covid-19 pandemic.


"It took us about a month to prepare for the competition and it was a result of ideas chipped in by the students and teachers.

"Robotics is an excellent area of learning for the students as it encompasses Science, Technology, Engineering and Mathematics every step of the way.

"They get to learn how to apply everyday things into their designs as well as stimulate their thinking when they look at mundane things such as parking facilities at shopping malls.

"They will then try to find out how things work and try to adopt it in their designs.

"After this, we are aiming to take part in a competition in Indonesia in October with a different group of pupils as we want to give others exposure as well," said Huszarudin, who also heads the school's robotics club.



TAJUK :	FESTIVAL KANAK-KANAK SARAWAK CUNGKIL BAKAT DAN POTENSI DALAM PELBAGAI BIDANG		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	28 OGOS 2023	M/SURAT :	02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Festival Kanak-Kanak Sarawak cungkil bakat dan potensi dalam pelbagai bidang

MIRI: Penganjuran Festival Kanak-Kanak Sarawak 2023 oleh Pustaka Negeri Sarawak Miri platform terbaik untuk memberikan ruang dan peluang kepada anak-anak mencungkil bakat dan potensi diri dalam pelbagai bidang.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Rosey Yunus berkata, melalui 12 ruang yang disediakan, anak-anak berpeluang untuk mengenali, mempelajari dan mencuba aktiviti.

“Festival ini adalah platform untuk memberi ruang dan peluang kepada anak-anak kita untuk melihat skop yang lebih luas lagi, bukan hanya melihat bidang budaya sahaja, tetapi lebih meluas dan banyak lagi melalui ruang-ruang (aktiviti) yang disediakan.

“Anak-anak berpeluang memperlihatkan bakat masing-masing melalui ruang disediakan seperti artistik, persembahan dan juga kebudayaan yang menampilkan permainan alat muzik dan pakaian tradisi,” katanya

ketika ditemu bual pemberita selepas merasmikan Majlis Penutupan Festival Kanak-Kanak Sarawak 2023 di Pustaka Negeri Sarawak Miri di sini, semalam.

Rosey mendedahkan, festival kali ini mendapat sambutan yang begitu menggalakkan apabila pada hari pertama penganjurannya kelmarin dimeriahkan dengan lebih 4,000 pengunjung dan jumlah tersebut meningkat pada hari kedua semalam.

Ini merupakan Festival Kanak-Kanak Sarawak 2023 yang kedua dianjurkan Pustaka Negeri Sarawak di Miri selepas yang pertama berjaya dianjurkan di Kuching pada 19 dan 20 Ogos lepas.

Manakala penganjurannya di Pustaka Negeri Sarawak Sibul pula dijangka diadakan pada 2 dan 3 September depan.

Dalam pada itu, Rosey mengharapkan festival ini akan dijalankan pada skala yang lebih besar pada tahun-tahun akan datang dengan penglibatan lebih ramai lagi agensi.

“Kita akan bawa lebih ban-


yak agensi untuk turut serta terutamanya yang berkaitan kerjaya.

“Kali ini kita lihat adanya penglibatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga, dimana anak-anak berpeluang melihat sendiri jentera bomba.

“Mudah-mudahan lebih banyak lagi agensi ingin turut serta kerana ini memberikan peluang secara langsung kepada anak-anak kita,” ujarnya.

Festival Kanak-Kanak Sarawak 2023 di Pustaka Negeri Sarawak Miri menampilkan 12 ruang aktiviti seperti Ruang Gastro, Ruang Wira, Ruang Deria, Ruang Bercerita, Ruang Jualan, Ruang Alam Semula Jadi, Ruang e-Sukan, Ruang Pembuatan, Ruang Kebudayaan, Ruang Artistik, Ruang Persembahan dan Ruang Lestari.

Hadir sama Pengurus Wilayah Pustaka Negeri Sarawak Miri Razak Rambili dan Ketua Bahagian Perkhidmatan Penglibatan Masyarakat Mohd Khadzrie Mohd Ramzie Faizal.



TAJUK : KARNIVAL KELUARGA SOP PENUHI MATLAMAT CSR

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Karnival Keluarga SOP penuh matlamat CSR

MIRI: Seiring dengan komitmen syarikat terhadap perpaduan, kemesraan dan tanggungjawab sosial, kira-kira 1,000 pengunjung terdiri daripada kakitangan, keluarga, rakan dan orang awam membanjiri Karnival Keluarga Sarawak Oil Palms (SOP) 2023 di Stadium Tertutup Miri, di sini kelmarin.

Pengunjung yang hadir daripada semua peringkat umur berpeluang merasai sendiri pelbagai aktiviti menarik termasuk permainan yang menyeronokkan dan pameran daripada pempamer jemputan.

SOP dalam satu kenyataannya berkata, penganjuran karnival itu merupakan antara salah satu usaha tanggungjawab sosial korporatnya apabila semua hasil yang dijana termasuk jualan tiket dan jualan daripada gerai makanan dan barangan disumbangkan kepada Healthy Strides Malaysia, sebuah organisasi yang komited untuk mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan dalam komuniti tempatan.

“Dedikasi SOP untuk memberi kembali dan mencestuskan impak positif kepada masyarakat jelas terpancar menerusi penganjuran Karnival Keluarga SOP 2023,” menurut kenyataan tersebut.

Sementara itu Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya Paul Wong berkata, Karnival



SIMBOLIK: Wong (dua kiri) dan Kiu (dua kanan) melakukan simbolik perasmian Karnival Keluarga SOP 2023.

Keluarga SOP adalah peluang yang baik untuk kakitangan syarikat, keluarga dan masyarakat untuk bersama-sama meraikannya.

“Komitmen kami untuk perpaduan dan tanggungjawab sosial jelas tertanam dalam budaya syarikat kami.

“Dengan menyokong Healthy Strides Malaysia, kami berhasrat menyumbang kepada kesihatan dan kesejahteraan masyarakat di mana kami berkhidmat,” ujar beliau.

Selain itu, karnival itu merupakan platform terbaik untuk kakitangan SOP sendiri berhubung dengan rakan sekerja mereka di luar tempat kerja, memupuk hubungan yang lebih kukuh dan sama-

ngat kekitaan.

Bukan itu sahaja, dengan kehadiran pimpinan tertinggi SOP termasuk Ketua Pegawai Operasinya Eric Kiu, ia turut menawarkan forum terbuka untuk berinteraksi dan pertukaran idea dalam suasana tidak formal.

Karnival Keluarga SOP 2023 merupakan satu kejayaan yang memberangsangkan dengan mengulangi nilai dan dedikasi syarikat untuk membuat perubahan dalam kehidupan orang ramai.

Di sebalik penganjurannya juga, ia menunjukkan peranan syarikat ini sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dan secara aktif menyumbang kepada kehidupan lebih baik pada masyarakat.



TAJUK :	TANGANI GEJALA BULI DENGAN PENGUKUHAN EKOSISTEM		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	28 OGOS 2023	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Tangani gejala buli dengan pengukuhan ekosistem

Bukan hanya dilihat dari segi hukuman, sebaliknya fikirkan sama ada kesedaran wujud dalam diri pelajar

Oleh Mastura Ismail

LIMBANG: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) memandang serius gejala buli memabitkan pelajar sekolah namun masalah tersebut tidak boleh dilihat kepada satu komponen sahaja, sebaliknya keseluruhan ekosistem perlu diperkuh.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata, semua masalah buli bukan hanya dilihat dari segi hukuman semata-mata, sebaliknya memikirkan sama ada kesedaran wujud dalam diri pelajar sendiri kerana mereka juga mempunyai potensi untuk berjaya.

"Sekarang ini mengajar anak-anak berbeza daripada zaman dahulu, maka memerlukan perbincangan yang teliti kerana boleh menjejaskan masa depan kanak-kanak yang berpotensi untuk menjadi orang yang lebih bertanggungjawab dan lebih membawa kebaikan kepada kehidupan mereka pada masa

“Sekarang ini mengajar anak-anak berbeza daripada zaman dahulu, maka memerlukan perbincangan yang teliti kerana boleh menjejaskan masa depan kanak-kanak yang berpotensi untuk menjadi orang yang lebih bertanggungjawab dan lebih membawa kebaikan kepada kehidupan mereka pada masa depan.”

Datuk Seri Nancy Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

depan.

"Itu perlu dikaji semula dari segi kes bulih, sebab itu semuanya perlu memainkan peranan bagi memastikannya tidaklah berleluasa," katanya ketika ditemui media selepas Program Keusahawanan Wanita Bangkit@Kpwkm Limbang di Dewan St Edmund, semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia Datuk Hasbi Habibol-

lah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Danau Paulus Palu Gumbang dan kenamaan lain.

Jelas Ahli Parlimen Santubong itu lagi, semua pihak juga perlu melihat semula dari segi hukuman yang dikenakan sama ada beresuaian atau tidak.

Kata beliau, selain itu semua pihak termasuk institusi kekeluargaan, pihak sekolah, agensi kerajaan dan



MAJUKAN DIRI: (Belakang dari empat kiri), Paulus, Nancy, Hasbi dan tetamu lain bergambar bersama usahawan wanita yang menerima bantuan Wanita Bangkit semalam.

pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu melihat gejala buli sebagai satu masalah serius yang ditangani secara bersama.

"Mengenai kes buli, ia banyak bergantung kepada keadaan terutama keadaan rumah tangga dan di sekolah, kenapa anak-anak ini bersikap seperti ini.

"Sebab itu institusi kekeluargaan amat penting dan juga suasana di sekolah supaya kes seperti ini tidak berlaku, tapi dari segi hukuman juga perlu kita lihat semula.


"Kadangkala kita juga menghukum anak itu tetapi mungkin tidak dapat diterima," ujarnya. Terdahulu Nancy berkata,

Program Wanita Bangkit adalah program yang melatih dan memberi sokongan kepada wanita untuk mula berniaga atau sudah menjadi usahawan terutama untuk mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Seramai 7,430 peserta di seluruh Malaysia telah mendapat manfaat daripada

program ini pada 2023 dan di Sarawak sahaja, 5,602 peserta telah menyertai Program Wanita Bangkit.

Nancy berkata, 12 program sedemikian diadakan di Limbang agar semua wanita berjaya, yakin dan terus berusaha memajukan diri serta keluarga.



TAJUK :	TOLAK BANTUAN KEWANGAN HAJI, TUNAI HAJI LEBIH AFDAL		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	28 OGOS 2023	M/SURAT :	10
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Tolak bantuan kewangan haji, tunai haji lebih afdal

KUALA LUMPUR: Seorang warga emas Khatijah Ali, sanggup menolak Bantuan Kewangan Haji ditawarkan Lembaga Tabung Haji (TH) kepadanya pada tahun ini, bagi memberi peluang kepada bakal haji yang lebih memerlukan bantuan itu.

Pesara sektor swasta berusia 63 tahun dari Melaka itu menganggap, tindakan berkenaan sebagai sumbangan atau sedekahnya supaya lebih ramai individu yang ingin menunaikan haji mendapat manfaat daripada bantuan berkenaan.

Khatijah mengambil pendekatan membuat bayaran penuh kos haji sebanyak RM30,850 sekali gus menolak tawaran Bantuan Kewangan Haji disediakan TH untuknya berjumlah RM19,870.

"Saya mula menabung di Tabung Haji pada 2 Feb 2007 dan daftar haji pada 7 Jan 2009. Simpanan saya di TH mencukupi dan saya menolak bantuan diberikan untuk bantu yang lain," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Bantuan Kewangan Haji adalah usaha TH sebagai institusi kewangan Islam untuk membantu kumpulan B40 dan M40 yang kali pertama menunaikan ibadah haji.

Pada tahun ini, TH telah memperuntukkan RM400 juta bagi menampung kos jemaah haji kumpulan berkenaan dan akan terus membiayai bantuan itu secara bersasar walaupun kos haji ke Tanah Suci meningkat kepada RM30,850 berbanding RM28,632 tahun lepas.

Bagi seorang pengusaha projek pertanian di Perak yang hanya ingin dikenali sebagai Saleh, 48, dia berpegang kepada syarat istiq'ah atau kemampuan dalam kewajipan menunaikan ibadah itu.

"Saya memilih menggunakan wang tabungan sendiri yang mula disimpan ibu bapa saya di Tabung Haji sejak awal 80-an dan saya menyambung menyimpannya setelah dewasa. Walaupun ditawarkan Bantuan Kewangan Haji, saya beranggapan adalah lebih afdal menanggung keseluruhan kos mengerjakan haji di Tanah Suci sendiri."

"Tambah pula wang yang disimpan mencukupi untuk menanggung keseluruhan kos. Apabila tidak mengambilnya (Bantuan Kewangan Haji), sekurangnya ia boleh disalurkan kepada mereka yang lebih memerlukan," katanya.

Saleh yang sepatutnya menunaikan haji pada 2022 namun tertangguh akibat COVID-19, tersenarai dalam giliran haji dengan tawaran Bantuan Kewangan Haji bagi kumpulan B40 sebanyak RM10,850 untuk mengerjakan haji pada Jun lepas.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Pusat Pengajian

Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia (UUM) Dr Nur Hafizah Mohammad Ismail berkata, Bantuan Kewangan Haji secara bersasar akan meringankan beban jemaah haji yang mungkin menghadapi kesukaran kewangan menunaikan ibadah haji kali pertama.

Beliau berkata bantuan tersebut bersifat inklusif dan adil kepada pelaksanaan haji, dengan setiap jemaah haji yang mempunyai pelbagai latar belakang kewangan akan memiliki peluang menunaikan haji.

Mengenai tindakan segelintir penerima Bantuan Kewangan Haji yang memilih untuk membayar kos haji penuh, Nur Hafizah berkata dana bantuan yang tidak digunakan itu boleh diagihkan semula kepada pendeposit TH dalam bentuk dividen pada tahun berikutnya.

"Saya berpendapat ia mampu mengukuhkan lagi prestasi kewangan TH terutama dalam bentuk agihan keuntungan (dividen)."

Namun, sekiranya perbelanjaan Bantuan Kewangan Haji meningkat di samping kos operasi juga meningkat, ia sudah pasti mempengaruhi kadar agihan keuntungan kepada para pendeposit," katanya.

Nur Hafizah juga turut menzahirkan pandangan sekiranya terdapat penolakan yang signifikan dan berterusan terhadap Bantuan Kewangan Haji secara bersasar, TH perlu menilai dan memantau semula kriteria pemberian bantuan kepada jemaah haji dalam kalangan kumpulan B40 dan M40 yang memenuhi syarat.

"Selain itu, TH juga perlu menambah baik polisi dan dasar serta strategi institusi itu dalam memberikan bantuan kewangan kepada yang memerlukan."

"Saya juga berpandangan bahawa lebih dana tersebut mungkin boleh digunakan kepada jemaah haji telah terpilih dalam kuota menunaikan haji lain yang masih lagi kurang berkemampuan dan mungkin memerlukan subsidi bantuan lebih banyak, mengikut situasi tertentu," katanya.

Beliau juga menyambut baik usaha TH memperkatakan struktur bantuan secara bersasar tahun ini dengan mengambil kira perbezaan tahap pendapatan dan kemampuan kewangan dalam kalangan jemaah haji mengikut tiga kategori utama iaitu kumpulan B40, M40 dan T20.

"Berbanding hanya dua kategori pada 2022 iaitu kumpulan B40 dan bukan B40, struktur bayaran haji bersasar adalah baik untuk memastikan pelaksanaan haji lebih inklusif, meliputi aspek sosioekonomi jemaah seperti keadilan sosial dan tahap kemampuan kewangan," katanya. — Bernama



TAJUK : WANITA CEDERA TERHENTAK SEMASA KEMALANGAN KERETA, 4WD

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 28 OGOS 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita cedera terhentak semasa kemalangan kereta, 4WD

MIRI: Seorang wanita mengalami kecederaan pada bahagian hidung dan mulut selepas kereta yang dinaikinya terbabit kemalangan dengan sebuah kenderaan pacuan empat roda (4WD) di Jalan Miri-Pujut, di sini semalam.

Menurut maklumat daripada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Miri, pihaknya menerima panggilan kecemasan memaklumkan mengenai kejadian kemalangan terbabit kira-kira jam 11.18 pagi.

“Sepasukan seorang pegawai dan empat anggota APM diketuai Leftenan Muda (PA) Alwie Mumin bergegas ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan kecemasan tersebut.

“Setibanya di lokasi terus berjumpa dengan pengadu lelaki berusia 37 tahun yang memberitahu tentang kemalangan melibatkan sebuah 4WD dan sebuah kereta di mana terdapat seorang mangsa wanita yang cedera,” katanya dalam kenyataan media di sini.

APM Miri memberi-



KEMALANGAN: Seorang wanita yang cedera diletakkan di atas pengusung untuk dihantar ke Hospital Miri menggunakan ambulans APM bagi mendapatkan rawatan lanjut semalam.

tahu, pasukan kemudiannya meninjau keadaan di lokasi yang dinyatakan dan mendapati seorang mangsa wanita berusia 28 tahun masih berada di dalam kereta tersebut.

“Pasukan terus memeriksa keadaan mangsa dan memberi rawatan awal ke atas

mangsa yang cedera.

“Mangsa mengalami luka pada bahagian mulut dan hidung dipercayai akibat hentakan,” ujarnya.

Sejurus itu, mangsa dibawa ke Hospital Miri menggunakan ambulans APM bagi mendapatkan rawatan lanjut.